

16/08/2003

Syed Mokhtar mahu bertukar rentak

Abdul Halim Yusoff

AHLI perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary, yang sejak beberapa tahun lalu mengelak daripada publisiti, berkata dalam tempoh terdekat ini beliau akan menonjolkan dirinya.

Pada satu temubual eksklusif dengan majalah Malaysian Business, iaitu temubual pertamanya dengan media tempatan, Syed Mokhtar menjelaskan mengapa sejak beberapa tahun lalu beliau menjauhkan diri daripada publisiti.

Beliau berkata, walaupun pada 1970-an dan 1980-an semua perniagaannya menggunakan namanya, namun dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan, wujud banyak perasaan cemburu dan halangan kepada pertumbuhan perniagaannya.

"Saya perlu menukar rentak dengan menjauhkan publisiti dan membina semula perniagaan saya dengan cara yang berbeza.

"Tetapi sekarang, saya terpaksa mengukuhkan kedudukan dan menampilkan diri untuk menggambarkan identiti saya.

"Dalam tempoh terdekat ini saya akan menonjolkan diri," katanya.

Syed Mokhtar berkata demikian ketika mengulas dakwaan bahawa beliau terlalu berahsia dan cara beliau berniaga dengan menggunakan proksi bercanggah dengan peraturan penzahiran.

Pada temubual itu, Syed Mokhtar juga menceritakan bagaimana beliau mengharungi krisis ekonomi Asia pada 1997.

"Sesiapa saja yang mempunyai saham dan hutang menderita. Sebelum ekonomi merudum, saham dan aset saya bernilai sekitar RM3 bilion. Menjelang 1998, ia merosot kepada sekitar RM600 juta. Keadaan saya teruk ketika itu," katanya.

Syed Mokhtar berkata, beliau tidak mempunyai pilihan selain menjual sebahagian besar sahamnya untuk membayar hutang.

Beliau juga terpaksa merayu daripada tindakan jualan paksa kepentingannya dalam beberapa projek strategik yang mempunyai kepentingan negara.

"Mereka benar-benar membantu dan saya sangat berterima kasih," katanya.

Beliau menjelaskan, strateginya untuk terus mengekalkan perniagaan adalah dengan mengasingkan pelaburan bermasalah dan menumpukan usaha membangunkan pelaburan yang baik.

"Selain itu, saya bernasib baik kerana meskipun dalam kegawatan ekonomi, kebanyakan perniagaan saya dalam sektor swasta. Saya tidak bergantung sepenuhnya kepada projek kerajaan," katanya.

Dalam temubual itu juga, Syed Mokhtar bercakap secara terus terang mengenai zaman kanak-kanaknya, perjalanan hidupnya meraih kekayaan dan hubungannya dengan ahli politik kanan, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yasin.

Syed Mokhtar tersenarai di tangga ketujuh orang paling kaya di Malaysia, iaitu berdasarkan senarai 40 orang paling kaya yang dikeluarkan Malaysian Business dalam terbitan 16 Februari lalu.

Syarikat utamanya yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah Malaysia Mining Corporation Bhd (MMC), yang mana pada masa ini beliau menguasai 40 peratus.

Syarikat tersenarai lain yang beliau kuasai merangkumi sektor pengeluaran tenaga, pengurusan pelabuhan, lojistik dan pengangkutan, hotel, penerbitan, pembuatan dan pakaian.

Sehingga tahun lalu, kumpulan syarikat beliau yang merangkumi tidak

kurang lapan syarikat tersenarai mempunyai pendapatan digabungkan berjumlah RM12 bilion dan secara keseluruhannya menggaji lebih 32,000 pekerja.

Mengimbas kerjaya selama 30 tahun dalam bidang perniagaan, Syed Mokhtar juga menceritakan mengenai beberapa kejayaan pertamanya seperti projek, janji niaga korporat, rumah kedai dan kali pertama nama Bukhary digunakan dalam perniagaannya.

Seorang yang sangat sentimental, Syed Mokhtar berkata, beliau masih menyimpan kereta Mercedes-Benz pertamanya dan mengekalkan sebahagian besar perniagaan sejak awal penubuhannya.

Tindakan beliau walaupun dipersoalkan dengan mengambil alih sebahagian besar kepentingan dalam Pernas International Holdings Bhd (Pernas) dan Padiberas Nasional Bhd (Bernas), adalah disebabkan hubungan jangka panjang dengan syarikat berkenaan.

Katanya, ini kerana syarikat itu banyak membantu perniagaannya sejak 1970-an ketika kedua-duanya adalah agensi kerajaan.

"Anda boleh kata saya bodoh dengan membeli Pernas kerana saya mempunyai pertalian dengan syarikat itu.

"Saya mendapat lesen perdagangan beras daripada Bernas yang sebelum ini adalah Lembaga Padi dan Beras Negara, membekalkan komoditi itu kepada Pernas Edar dan mengikuti misi perdagangan Pernas ke China.

"Saya fikir saya tahu benar perniagaan Pernas dan Bernas," katanya.